

# →PRIHATIN



Foto Shahrinnahar Latif/BH

Ismail (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan daripada UMP Advanced kepada Pengurusan SMA Maran, Shamsuri Shamsudin sambil diperhatikan Ahmad Azmey (dua dari kiri) pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Bencana Kebakaran di SMA Maran, semalam.

## UMP Advanced hulur sumbangan RM10,000 kepada SMA Maran

• Tanggungjawab sosial ringankan beban pengurusan sekolah akibat kebakaran asrama

Oleh Shahrinnahar Latif  
bhnews@bh.com.my

# Maran

**U**niversiti Malaysia Pahang Advanced (UMP Advanced) meneruskan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat dengan memberi sumbangan berjumlah RM10,000 kepada Sekolah Menengah Agama (SMA) Maran yang mengalami kebakaran asrama, bulan lalu.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Advanced, Datuk Ahmad Azmey Abu Talib, berkata pihaknya peka dengan bebanan ditanggung

pengurusan sekolah berkenaan dan terpanggil memberikan sedikit sumbangan sebagai bahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap masyarakat setempat.

**Berbesar hati hulur bantuan**  
“Cadangan untuk memberikan bantuan dan sumbangan ini disuarakan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib yang juga ahli Parlimen Maran,” katanya.

“Jadi, kami rasa ini adalah se suatu yang perlu UMP Advanced ambil perhatian dan berbesar hati dapat menyalurkan sumbangan

kepada SMA Maran,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Kebakaran di SMA Maran, yang dilakukan Ismail selaku Timbalan Menteri Mentor UMP di sini, semalam.

Yang turut hadir Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Mohamad Reza Hassan.

### Asrama perempuan musnah

Dalam kejadian jam 7.30 pagi pada 7 Februari lalu, keseluruhan bangunan asrama perempuan SMA Maran musnah akibat kebakaran, namun tiada sebarang kemalangan jiwा berlaku.

Kejadian itu mengakibatkan 73

pelajar yang menghuni di asrama berkenaan tinggal sehelai sepinggang berikut ketika itu mereka berada di sekolah.

Ahmad Azmey berkata, walaupun sumbangan ini tidak seberapa, namun diharapkan dapat mengurangkan beban pihak sekolah dalam menyediakan pelengkap pelajar yang terbahar.

“Selain itu, kita turut menjalankan pelbagai tanggungjawab sosial termasuklah bantuan pasca banjir Parlimen Maran dan Pekan, sumbangan pra sekolah kepada golongan asnaf dan sumbangan pendidikan kepada murid kurang berkemampuan,” katanya.